DALAM PERKARA FOO KUM CHEUN; EX P UNITED OVERSEAS BANK (M) BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE RUZIMA GHAZALI PK
[KEBANKRAPAN NO: 29-837-04-2013]
13 JANUARI 2015

KEBANKRAPAN: *Kapasiti seorang bankrap – Locus – Penghutang penghakiman telah diisytiharkan bankrap – Pemiutang penghakiman menyerahkan notis kebankrapan kepada penghutang penghakiman – Notis diperolehi berdasarkan satu penghakiman ingkar – Sama ada penghutang penghakiman mempunyai locus untuk tindakan diambil ke atasnya – Sama ada pemiutang penghakiman telah mendapatkan kebenaran daripada mahkamah kebankrapan terlebih dahulu – Sama ada notis kebankrapan yang diperolehi menerusi penghakiman ingkar sah – Akta Kebankrapan 1967, s. 8(1)*

KEBANKRAPAN: *Amalan dan prosedur – Penyampaian notis kebankrapan – Cubaan dua serahan notis kebankrapan pada hari Sabtu – Sama ada menepati kehendak Nota Amalan No. 1 Tahun 1968*

Rayuan ini berbangkit daripada keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah menolak dengan kos permohonan penghutang penghakiman ('JD') bagi mendapatkan perintah-perintah membatalkan (i) notis kebankrapan bertarikh 29 April 2013 ('notis kebankrapan'); (ii) perintah penerimaan dan perintah penghukuman bertarikh 20 September 2013; dan (iii) perintah penyampaian ganti bertarikh 1 Ogos 2013 ('perintah penyampaian ganti'). JD menyatakan bahawa dia telah diisytiharkan bankrap sejak 6 Ogos 2002 dan s. 8(1) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta') memperuntukkan bahawa tiada tindakan boleh dibawa terhadap seorang bankrap melainkan dengan kebenaran mahkamah kebankrapan. Akibat kegagalan JC mendapatkan kebenaran tersebut, JD menghujahkan bahawa notis tersebut diperolehi berdasarkan satu penghakiman ingkar yang tidak sah dan dengan itu, hendaklah diketepikan. JD menghujahkan lagi bahawa perintah penyampaian ganti juga hendaklah diketepikan kerana kedua-dua serahan dibuat pada hari Sabtu dan ini bertentangan dengan garis panduan Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 ('Nota Amalan') yang menetapkan bahawa dua kali cubaan serahan hendaklah dibuat pada hari-hari bekerja dan pada masa yang munasabah. Dalam membantah rayuan JD, JC menghujahkan bahawa walaupun perintah penerimaan dan perintah penghukuman ('AORO') telah dikeluarkan terhadap JD pada 6 Ogos 2002, ia telah dibatalkan di bawah s. 105 Akta atas alasan bahawa hutang telah selesai dilangsaikan oleh JD pada 26 September 2011. Menurut JC, kesan pembatalan AORO tersebut adalah seolah-olah AORO tidak pernah dibuat dan ini bermakna JC tidak perlu mendapatkan kebenaran oleh mahkamah kebankrapan. Tambah JC lagi, rayuan ini

bukanlah *forum* yang sesuai untuk menentukan sama ada penghakiman ingkar tersebut adalah sah atau tidak. Tindakan untuk mengenepikan penghakiman tersebut sepatutnya dibuat terlebih dahulu dan sehingga kini JD tidak mengambil sebarang tindakan.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos):

(1) JD telah menjadi bankrap sejak 6 Ogos 2002 sehinggalah AORO tersebut dibatalkan pada 26 September 2011 dan ini menunjukkan adanya AORO yang tergantung di atas kepala JD sepanjang tempoh tersebut. Pembatalan AORO pada tahun 2011 tidak boleh dianggap mengesahkan ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang. Oleh itu, semasa JC mengambil tindakan terhadap JD, JD sememangnya seorang bankrap dan sememangnya tidak ada *locus* untuk dimulakan apa-apa tindakan terhadapnya. Penghakiman ingkar yang diperintahkan terhadap JD adalah batal dan tidak boleh dikuatkuasakan kerana kebenaran daripada mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu selaras dengan kehendak s. 8(1) Akta. (perenggan 11)

(2) Isu kelewatan JD memohon pembatalan AORO tidak berbangkit. Permohonan pembatalan AORO yang kemudiannya membatalkan status kebankrapan JD jelas menunjukkan JD adalah seorang bankrap sebelum pembatalan tersebut. Isu *forum* yang bersesuaian tidak berbangkit kerana sesuatu perintah yang diperoleh secara tidak sah tetap tidak sah walau *forum* mana yang membicarakannya. (perenggan 12)

(3) Penyerahan kertas kausa secara kediri adalah cara yang terbaik bagi memaklumkan tindakan yang akan diambil terhadap JD. Jika terdapat kekangan, penyerahan secara gantian boleh diambil tetapi perlulah mematuhi setiap garis panduan yang ditetapkan secara tegas. JC gagal mematuhi Nota Amalan apabila melakukan dua cubaan serahan pada hari sabtu. Surat temujanji juga ditetapkan pada hari Sabtu yang nyata berlawanan dengan Nota Amalan. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Azimuddin Ab Ghani v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [2010] 10 CLJ 26 HC ***(dirujuk)***

IZA Construction Co Sdn Bhd v. Law Fatt Choon [2011] 1 LNS 1726 CA ***(dirujuk)***

Jayasankaran v. PP [1983] 1 CLJ 171; [1983] CLJ (Rep) 182 FC ***(dirujuk)***

Kwong Yik Bank Bhd v. Hah Chiew Yin [1985] 2 CLJ 31; [1985] CLJ (Rep) 178 FC ***(dirujuk)***

Ooi Bee Tat v. Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd & Anor & Another Appeal [1995] 4 CLJ 484 CA ***(dirujuk)***

Re Aris Massod ex p UOL Factoring Sdn Bhd [1998] 4 CLJ Supp 446 HC ***(dirujuk)***

Re Nor Azah Awin; ex p Lee Swee Eng; Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Bhd (Intervener) [2013] 8 CLJ 73 HC ***(dirujuk)***

Re Yeap Chee Fun; ex p Pernas Trading Sdn Bhd [2000] 5 CLJ 280 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, ss. 8(1), 105
Rules of Court 2012, O. 56 r. 1(3A)

Sumber-sumber yang dirujuk:
NS Bindra, *Interpretation of Statutes*, edisi ke-8, ms 590, 591

Bagi pihak pemiutang penghakiman - Lim Ta Wai; T/n Gibb & Co
Bagi pihak penghutang penghakiman - MR Kumar (Manokaran bersamanya); T/n Kumar & Assocs

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Che Ruzima Ghazali PK:

Pengenalan

[1] Ini adalah rayuan oleh penghutang penghakiman (JD) melalui satu notis rayuan kepada hakim dalam kamar di lampiran 38, terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) yang telah menolak dengan kos permohonan JD di lampiran 28, bagi mendapat perintah-perintah seperti mana berikut:

(a) Notis kebankrapan bertarikh 29 April 2013 dibatalkan;

(b) Perintah penerimaan dan perintah penghukuman (AORO) kedua-duanya bertarikh 20 September 2013 dibatalkan; dan

(c) Perintah penyampaian ganti bertarikh 1 Ogos 2013 yang diperoleh penghutang penghakiman (JC) dibatalkan.

Permohonan JD disokong oleh afidavitnya sendiri bertarikh 4 Oktober 2013 (lampiran 30). JC membantah permohonan tersebut dengan memfailkan afidavit balasan bertarikh 20 November 2013 yang diikrarkan oleh Yong Lap Soon, Timbalan Presiden kepada Institutional Financial Services Recovery, Special Assets Management di Pusat Wilayah Utara, JC (lampiran 31). JD kemudiannya mengemukakan afidavit jawapan bertarikh 19 Disember 2013 (lampiran 32).

[2] Rayuan kepada hakim dalam kamar ini adalah dalam bentuk perbicaraan semula bilamana pihak-pihak merujuk kepada permohonan asal dan afidavit-afidavit yang digunakan di hadapan PKP. Tidak ada sebarang keterangan baru dikemukakan selaras dengan peruntukan A. 56 k. 1(3A) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Juga tidak ada alasan disediakan PKP bagi keputusan yang dicapainya tersebut.

Hujahan Pihak JD

[3] Permohonan JD bagi mendapat perintah di lampiran 28 bersandarkan kepada dua alasan. Pertamanya notis kebankrapan bertarikh 29 April 2013 perlulah diketepikan memandangkan ianya diperoleh berdasarkan satu penghakiman ingkar yang tidak sah dan terbatal. Keduanya perintah penyampaian ganti perlu diketepikan kerana ianya tidak mematuhi Nota Amalan No. 1 Tahun 1968.

[4] Bagi alasan pertama, peguam JD berhujah bahawa notis kebankrapan yang diperoleh JC berdasarkan kepada satu penghakiman ingkar kehadiran bertarikh 18 Disember 2003 yang diperoleh melalui tindakan di Mahkamah Tinggi Ipoh Writ Saman No. 3-22-252-2013 (writ saman tersebut). Pada tarikh tersebut, JD telah pun diisytiharkan bankrap sejak 6 Ogos 2002. Satu carian dengan pihak CTOS yang dieksibitkan sebagai 'KC1' di dalam afidavit lampiran 30 dan juga keterangan pihak JC sendiri melalui satu surat dari Jabatan Insolvensi yang dieksibitkan sebagai 'A1' afidavit lampiran 31, mengesahkan status bankrap JD tersebut. Jelasnya writ saman tersebut difailkan selepas JD diisytiharkan bankrap. Berdasarkan kepada s. 8(1) Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360), tidak ada tindakan boleh dibawa terhadap si bankrap melainkan dengan kebenaran mahkamah kebankrapan. Dengan kegagalan JC mendapat kebenaran tersebut, penghakiman ingkar yang diperoleh adalah tidak sah dan notis kebankrapan juga adalah tidak sah dan hendaklah diketepikan. Peguam JD merujuk kepada kes *Re Nor Azah Awin; ex p Lee Swee Eng; Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Bhd (Intervener)* [2013] 8 CLJ 73; [2013] 9 MLJ 223 dan kes *IZA Construction Co Sdn Bhd v. Law Fatt Choon* [2011] 1 LNS 1726.

[5] Alasan kedua pula, peguam JD berhujah bahawa perintah untuk serahan saman secara gantian hendaklah diketepikan kerana ianya gagal mematuhi garis panduan serahan saman gantian yang dinyatakan di dalam Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 yang dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya. Nota amalan tersebut telah menetapkan dua kali cubaan serahan hendaklah dibuat setiap satunya pada hari-hari bekerja dan pada masa yang munasabah. Adalah jelas dari afidavit tanpa serahan pihak JC, serahan dibuat pada 20 Julai 2013 dan 27 Julai 2013 yang mana kedua-duanya adalah hari Sabtu. Oleh itu perintah bagi serahan saman secara gantian diperoleh secara tidak sah dan sepatutnya diketepikan.

Hujahan Pihak JC

[6] Peguam JC mengakui satu AORO telah dikeluarkan terhadap JD pada 6 Ogos 2002. Walau bagaimanapun, AORO tersebut telah kemudiannya dibatalkan di bawah s. 105 Akta 360 di atas alasan hutang telah selesai dilunaskan oleh JD pada 26 September 2011. Peguam JC berhujah bahawa kesan kepada pembatalan AORO di bawah s. 105 Akta 360 adalah seolah-olah perintah AORO tidak pernah dibuat. Keputusan kes Mahkamah

Persekutuan dalam kes *Kwong Yik Bank Bhd v. Hah Chiew Yin* [1985] 2 CLJ 31; [1985] CLJ (Rep) 178; [1985] 2 MLJ 452 adalah dirujuk. Oleh itu JC tidak perlu mendapatkan kebenaran bagi memulakan tindakan writ saman tersebut pada tahun 2003. Lagipun JD sendiri patut dipersalahkan kerana mengambil masa yang lama bagi mendapatkan perintah pembatalan. Selanjutnya peguam JC turut berhujah bahawa rayuan ini bukannya forum yang sesuai untuk menentukan sama ada penghakiman ingkar yang diperoleh melalui writ saman tersebut sah ataupun tidak. Tindakan untuk mengetepikan penghakiman tersebut sepatutnya dibuat terlebih dahulu dan sehingga kini tidak ada sebarang tindakan sedemikian diambil JD.

Dapatan Mahkamah

[7] Subseksyen 8(1) Akta 360 memperuntukkan bahawa setelah sesuatu perintah penerimaan dibuat, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi hendaklah menjadi pegawai penerima segala harta JD. Tidak ada tindakan boleh diambil terhadap harta ataupun terhadap JD sendiri berkait dengan hartanya kecuali dengan kebenaran mahkamah kebankrapan. Bagi memudahkan rujukan, peruntukan tersebut adalah seperti mana berikut:

> Effect of receiving order
>
> 8(1) On the making of a receiving order the Director General of Insolvency shall be thereby constituted receiver of the property of the debtor, and thereafter, except as directed by this Act, *no creditor to whom the debtor is indebted in respect of any debt provable in bankruptcy shall have any remedy against the property or person of the debtor in respect of the debt, or shall proceed with or commence any action or other legal proceeding in respect of such debt unless with the leave of the court* and on such terms as the court may impose. (tekanan ditambah)

Jelasnya setelah perintah penerimaan dibuat, JD sudah hilang identitinya dalam hal pemilikan harta. JD tidak ada lagi *locus standi* untuk mendakwa atau didakwa di sepanjang masa JD menjadi bankrap, segala urusan berkait dengan hak dan tanggungjawab JD ke atas hartanya terletak hak di tangan Pegawai Penerima.

[8] Berbalik kepada alasan pertama yang diusulkan oleh peguam JD, persoalannya adakah kebenaran dari mahkamah kebankrapan perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum diteruskan sebarang tindakan menuntut hutang dari JD yang telah bankrap? Sekiranya diperhatikan peruntukan sub-s. 8(1) Akta 360, adalah jelas pihak penggubal menggunakan perkataan 'hendaklah' yang menggambarkan kebenaran mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan boleh diambil terhadap si bankrap. NS Bindra dalam bukunya *Interpretation of Statutes* (Edisi ke 8) di ms. 590 dan 591 menyatakan:

> Whether a statute is mandatory or directory, depends upon the intent of the Legislature and not upon the language in which the intent is clothed. The meaning and intentions of the Legislature are the governing factor,

> and these are to be ascertained not only from the phraseology of the provision but also by considering its nature, its design and the consequences which would follow from construing it one way or the other. In determination of the question whether a provision of law is directory or mandatory the prime object must be to ascertain the legislative intent, from a consideration of the entire statute, its nature, its object and the consequences that would result from construing it in one way or the other, or from such statute in connection with other related statutes, and the determination does not depend on the form of the statute. It appears to be well settled that in order to judge the nature and scope of a particular statute or rule, ie, whether it is mandatory or directory, the purpose for which the provision has been made, and its nature, the intention of the Legislature in making the provision, the serious general inconvenience or injustice to persons resulting from whether the provision is read one way or the other have all to be taken into account in arriving at the conclusion whether a particular provision is mandatory or directory. Further to this end, an enquiry into the purpose behind the enactment of the Legislature must always be made. The mandatory language of an enactment by itself affords no justification for the conclusion that its provisions are always imperative in the sense that any act done in violation will be invalid. No universal rule can be laid down as to whether mandatory enactments shall be considered directory only or obligatory with an implied nullification for disobedience. It is the duty of the court to get at the real intention of the Legislature by carefully attending to the whole scope of the enactment. The legislative mandate must be considered as mandatory not merely because of the language employed therefore, but also in view of the purpose behind the provision in question.

Berdasarkan kepada hakikat yang si bankrap sudah tidak ada *locus* untuk mengambil atau diambil tindakan dalam tempoh ia bankrap, adalah menjadi niat penggubal untuk memastikan kebenaran mahkamah kebankrapan diperoleh terlebih dahulu. Oleh itu saya berpandangan bahawa tidak ada taksiran lain yang boleh dibuat kepada kehendak mendapat kebenaran tersebut melainkan ianya satu keperluan yang berbentuk mandatori.

[9] Di dalam kes *IZA Construction Co Sdn Bhd v. Law Fatt Choon* [2011] 1 LNS 1726, yang dirujuk oleh peguam JD, Mahkamah Rayuan dalam satu keputusan yang ringkas telah memutuskan:

> At the commencement of the hearing of the appeal before us (on 7 April 2011) we were informed by the learned counsel for the appellant, Encik Awtar Singh Gill, that the respondent/plaintiff had been adjudged a bankrupt on 1 April 2010. We, therefore, asked the learned counsel whether leave of the Bankruptcy Court under section 8 of the Bankruptcy Act 1967 to proceed with the appeal had been obtained. The learned counsel replied in the negative. That being the case, we accordingly dismissed the appeal. We take the position that since the respondent/plaintiff is now a bankrupt, the appeal cannot be proceeded with without leave of the Bankruptcy Court under section 8 of the Bankruptcy Act.

Dalam kes tersebut, keputusan yang dirayu telah pun diperoleh sebelum responden bankrap, namun begitu Mahkamah Rayuan mendapati kebenaran mahkamah kebankrapan adalah suatu kemestian walaupun kes tersebut sudah berada di peringkat rayuan. Dengan itu sudah semestinyalah undang-undang menghendaki kebenaran mahkamah kebankrapan perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum mana-mana pihak boleh memulakan apa-apa tindakan terhadap si bankrap berkaitan dengan liabiliti ataupun hartanya itu.

[10] Peguam JC merujuk kepada keputusan kes *Kwong Yik Bank Bhd v. Hah Chiew Yin* [1985] 2 CLJ 31; [1985] CLJ (Rep) 178; [1985] 2 MLJ 452. Dalam kes tersebut, Seah HMP yang membuat keputusan bagi pihak Mahkamah Persekutuan telah membuat pemerhatian berikut:

> It is pertinent to observe that the bankrupt was not applying for an order of discharge but was applying for an order annulling her adjudication. The effect of this is to wipe out the bankruptcy.

Peguam JC berhujah bahawa kesan pembatalan AORO di bawah s. 105 Akta 360 adalah seolah-olah AORO tidak pernah dibuat. Oleh itu, apabila AORO terhadap JD dibatalkan pada 26 September 2011, tindakan JC terhadap JD tidak lagi perlu kepada kebenaran mahkamah kebankrapan kerana dengan perintah pembatalan tersebut seolah-olahnya AORO tidak pernah dibuat terhadap JD.

[11] Dengan hormatnya saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan tersebut. Keputusan kes *Kwong Yik Bank* adalah berdasarkan persoalan fakta yang sama sekali berbeza. Pada hakikatnya fakta dalam kes di hadapan saya adalah tidak dipertikaikan. JD telah menjadi bankrap sejak 6 Ogos 2002 lagi sehinggalah AORO tersebut dibatalkan pada 26 September 2011 di atas alasan hutang telah dilunaskan. Fakta tersebut jelas menunjukkan adanya AORO yang tergantung di atas kepala JD sepanjang tempoh tersebut. Pada setiap masa dalam tempoh tersebut juga Pegawai Penerima secara rasminya mengambil alih tugas mentadbir harta JD. Oleh itu, pada masa JC mengambil tindakan di bawah writ saman tersebut, JD sememangnya merupakan seorang yang bankrap. Berdasarkan kepada fakta tersebut, adalah menjadi pandangan saya yang telah diberikan pertimbangan sewajarnya yang JD pada sepanjang masa yang berkenaan sememangnya tidak ada *locus* untuk dimulakan apa-apa tindakan terhadapnya. Kebenaran dari mahkamah kebankrapan hendaklah diperoleh terlebih dahulu selaras dengan kehendak sub-s. 8(1) Akta 360. Oleh kerana itu, penghakiman ingkar yang diperintahkan terhadap JD di bawah writ saman tersebut adalah batal dan tidak boleh dikuatkuasakan. Pembatalan AORO pada tahun 2011 tidaklah boleh dianggap telah mengesahkan ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang.

[12] Isu kelewatan JD memohon pembatalan AORO seperti yang dihujahkan pihak JC juga tidak berbangkit. Permohonan pembatalan AORO, yang kemudiannya membatalkan status kebankrapan JD jelas menunjukkan

JD adalah seorang yang bankrap sebelum pembatalan tersebut. Begitu juga dengan isu forum, yang mana dikatakan permohonan ini tidak sesuai bagi memutuskan kesahihan perintah yang dipertikaikan adalah tidak berasas. Sesuatu perintah yang diperoleh secara tidak sah tetap tidak sah walau forum mana yang membicarakannya. Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, saya berpandangan bahawa dengan alasan pertama ini sahaja pun permohonan JD untuk mengetepikan AORO sewajarnya dibenarkan.

[13] Bagi melengkapkan alasan keputusan ini, saya juga ingin menyentuh alasan kedua JD. JD mempertikaikan perintah penyampaian ganti diperoleh JC yang dikatakan gagal mematuhi kehendak Nota Amalan No. 1 Tahun 1968. Aduan JD adalah mengenai percubaan penyampaian petisyen pemiutang dibuat pada 20 Julai 2013 dan 27 Julai 2013 yang mana kedua-duanya adalah hari Sabtu. Bagi memudahkan rujukan, Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 diperturunkan sepenuhnya seperti mana berikut:

Application For Substituted Service In The High Court In Malaya

The practice governing applications for substituted service in the High Court in Malaya shall follow that in the High Court in England, as provided for in Order 10 rule 2 of the Rules of the Supreme Court 1975. The practice, taken from the 1957 White Book, page 88 is here reproduced.

1. Two calls should be made.
2. The calls should be made at the defendants' residence, permanent or temporary, if known; otherwise, or if the claim relates to the defendant's business, at his business address. If the defendant has left the address given on the writ, this should be stated in the affidavit. If a copy of the document to be served is left, it must be in a sealed envelope addressed to the defendant.
3. The calls should be made on weekdays and at reasonable hours.
4. Each call should be on a separate day.
5. The second call should be made by appointment by letter sent to the defendant by ordinary prepared letter post, giving not less than two clear days' notice, enclosing a copy of the document to be served, and offering an opportunity of making a different appointment.
6. On keeping the appointment, the process server should inquire whether the defendant has received the letter of appointment with the copy document, and if it is stated that the defendant, is away, inquiry should be made whether or not letters are being, or have been forwarded to an address within the jurisdiction; the object is to show that the defendant has received communications sent to him.

7. The affidavit is support of the application should deal with all the foregoing requirements and should further state whether the letter of appointment has been returned or not, and any answer received should be exhibited. A copy of the document to serve should accompany the affidavit.

No prescribed form is necessary for the letter of appointment.

The letter of appointment should ordinarily be sent by the solicitor for the plaintiff after ascertaining from the process servers in the High Court and other courts their available times and dates from the second call. The facts regarding the letter of appointment should be stated in the affidavit in support.

Compliance with the above practice will ensure that the application for substituted service will be grounded on other than a mere statement that the defendant is evading service. Such a statement should never be sufficient to apply for an order for substituted service. If the above practice is followed as required by the Rules of the Supreme Court 1957, the efforts which have been made to find the defendant and the reasons for believing that he is keeping out of the way to avoid service will be before the Senior Assistant Registrar/Assistant Registrar before the order is made.

Au Ah Wah

Registrar
The High Court Registrar, The Law Courts, Kuala Lumpur
10th June, 1968

[14] Ringkasnya nota amalan tersebut di antara lainnya menghendaki percubaan serahan dibuat dua kali, di alamat yang betul, serahan pada hari bekerja dan bukannya hujung minggu serta dua kali cubaan serahan tersebut adalah pada hari yang berlainan. Walaupun nota amalan tersebut sudah lama dikeluarkan, namun ianya tidak pernah dipinda dan masih berkuatkuasa. Peguam JC telah merujuk kepada dua kes yang setiap satunya keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Agung dalam kes *Jayasankaran v. Public Prosecutor* [1983] 1 CLJ 171; [1983] CLJ (Rep) 182; [1983] 1 MLJ 380 dan *Ooi Bee Tat v. Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd & Anor & Another Appeal* [1995] 4 CLJ 484; [1995] 3 MLJ 465 yang masing-masingnya memutuskan bahawa arahan amalan hanyalah bertujuan sebagai arahan bagi maksud pentadbiran semata-mata. Secara prinsipnya saya bersetuju dan terikat dengan keputusan kes-kes tersebut. Walau bagaimanapun saya tidak bersetuju dengan hujahan peguam JC yang keputusan kes-kes tersebut terpakai kepada kes yang ada di hadapan saya. Ini adalah kerana dalam kes *Jayasankaran*, nota amalan yang dirujuk adalah Nota Amalan No. 2 Tahun 1960 yang berkaitan dengan penanda tangan notis dan juga petisyen rayuan. Sementara itu bagi kes *Ooi Bee Tat*, diputuskan bahawa Timbalan Pendaftar hanya menjalankan suatu tugas pentadbiran mengikut Arahan Amalan No. 5 Tahun 1990 apabila menolak permohonan untuk satu pelanjutan masa

memandangkan kuasa tersebut terletak dengan Mahkamah Agung atau seorang hakimnya di bawah undang-undang. Keputusan-keputusan tersebut adalah tepat berdasarkan persoalan yang diputuskan.

[15] Berbanding dengan isu yang ada di hadapan saya, persoalan yang ditimbulkan adalah berkaitan dengan permohonan penyerahan penyampaian ganti bagi kes kebankrapan. Bagi membincangkan pemakaian Nota Amalan No. 1 Tahun 1968, saya ingin merujuk kepada beberapa keputusan yang berkaitan penyampaian dalam kes kebankrapan. Dalam kes *Re Aris Massod ex p UOL Factoring Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ Supp 446, Steve Shim H (pada masa itu) memutuskan bahawa JC gagal mematuhi Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 apabila hanya membuat satu percubaan serahan sahaja dan cubaan serahan kali kedua tidak pernah dibuat apabila JC menerima surat temu janji yang dikembalikan dengan tertulis perkataan 'keluar'. Oleh itu permohonan untuk serahan secara gantian hendaklah ditolak serta perintah yang dikeluarkan hasil serahan tersebut juga adalah tidak sah dan hendaklah diketepikan. Dalam kes *Re Yeap Chee Fun; ex p Pernas Trading Sdn Bhd* [2000] 5 CLJ 280; [2000] 5 MLJ 510, Abdul Hamid Mohamed H (pada masa itu) memberi taksiran yang lebih longgar dalam pemakaian Nota Amalan No. 1 Tahun 1968. Diputuskan jika terbukti seseorang JD cuba mengelak diri daripada penyampaian, ia adalah terlalu lurus untuk memerlukan butiran terperinci di dalam nota amalan diikuti sepenuhnya dan adalah mencukupi jika sebahagian besarnya sahaja diikuti. Sementara itu dalam kes *Azimuddin Ab Ghani v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* [2010] 10 CLJ 26 Nallini Pathmanathan H (pada masa itu) juga merujuk kepada 'substantive compliance' Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 dan memutuskan aduan berkenaan cubaan serahan pada hari Sabtu bukanlah satu alasan yang mencukupi bagi mendapati serahan yang dibuat adalah salah atau cacat jika dibandingkan dengan keseluruhan fakta berkait dengan proses penyerahan tersebut.

[16] Jelasnya tafsiran yang diberikan kepada pemakaian Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 adalah berbeza-beza berdasarkan kepada fakta dan keadaan sesuatu kes tersebut. Saya berpandangan bahawa dalam kes-kes kebankrapan, perkara berhubungan dengan penyampaian kertas kausa kepada JD adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian yang berat. Akibat tindakan kebankrapan akan menjejaskan hak kebebasan individu ke atas hartanya. Oleh itu penyerahan kertas kausa secara kendiri adalah yang terbaik bagi memaklumkan tindakan yang akan diambil terhadap JD. Jika ada kekangan, maka penyerahan secara serahan gantian boleh diambil tetapi perlulah mematuhi setiap garis panduan yang telah ditetapkan secara tegas. Garis panduan yang berkaitan dengan serahan gantian sehingga kini adalah Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 walaupun telah lama dikeluarkan. Nota amalan tersebut merupakan garis panduan yang memperincikan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum sesuatu perintah untuk serahan gantian boleh diberikan mahkamah. Nota amalan tersebut tidak melangkaui mana-

mana undang-undang atau peraturan yang digubal. Apa gunanya diadakan arahan amalan sekiranya ianya tidak dipatuhi? Oleh yang demikian, saya berpandangan bahawa dalam kes ini, JC telah gagal untuk mematuhi Nota Amalan No. 1 Tahun 1968 apabila melakukan dua cubaan serahan pada hari Sabtu. Walaupun terdapat surat temu janji, ianya juga ditetapkan pada hari Sabtu yang nyata berlawanan dengan Nota Amalan No. 1 Tahun 1968. Seperti yang saya katakan sebelum ini, tindakan ini adalah berkait dengan tindakan kebankrapan, kepatuhan kepada nota amalan adalah diberi penekanan. Saya lebih cenderung untuk mengikuti keputusan kes *Re Aris Massod ex p UOL Factoring Sdn Bhd.* Oleh itu perintah untuk serahan gantian sewajarnya ditolak.

Keputusan

[17] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, saya mendapati dan memutuskan bahawa pihak permohonan JD di lampiran 28, bagi mendapat perintah-perintah sepertimana berikut:

a) Notis kebankrapan bertarikh 29 April 2013 dibatalkan;

b) Perintah penerimaan dan perintah penghukuman (AORO) kedua-duanya bertarikh 20 September 2013 dibatalkan; dan

c) Perintah penyampaian ganti bertarikh 1 Ogos 2013 yang diperoleh penghutang penghakiman (JC) dibatalkan sewajarnya dibenarkan. Oleh itu saya membenarkan rayuan JD dan keputusan PKP diketepikan. Saya juga membenarkan kos sebanyak RM5,000 kepada pihak JD.